

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB MAHFUZ B. OMAR (POKOK SENNA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENNA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kertas siasatan yang dibuka oleh pihak polis di bawah Akta Hasutan 1948 dari tahun 2015 sehingga 2020 dan apakah status kajian yang dibuat terhadap pemansuhan atau pindaan kepada Akta Hasutan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 2015 sehingga 1 Julai 2020, sebanyak 300 kertas siasatan telah di buka di bawah Akta Hasutan 1948 meliputi 41 kes telah berjaya dituduh, 171 kes telah diputuskan *No Further Action* (NFA), 54 kes masih dalam siasatan dan 34 kes telah diputuskan Kemaskini Untuk Simpan (KUS).

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, kebelakangan ini penyebaran maklumat palsu atau berita berunsur hasutan semakin berleluasa sehingga boleh mewujudkan suasana tidak tenteram khususnya apabila berita berkenaan menyentuh isu-isu yang sensitif dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan statistik, terdapat trend peningkatan kes pada dua tahun kebelakangan ini yang melibatkan kesalahan menghasut terhadap institusi Diraja, kaum, agama dan hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang dilindungi oleh Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152,153 dan 181 Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa Akta Hasutan 1948 masih relevan dengan mengambil kira struktur masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa serta masih belum terbuka dalam memberi kritikan dan teguran. Penyebaran maklumat atau berita yang berunsur hasutan melalui media sosial yang tidak bertanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia boleh menjadikan keadaan ini lebih serius dan menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.